

Bil. S 52

**AKTA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(PENGAL 149)**

**ATURAN-ATURAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(LEMBAGA PENYELIDIKAN), 2004**

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

1. Gelaran.
 2. Tafsiran.
 3. Mengadakan lembaga.
 4. Perlembagaan.
 5. Persidangan dan prosedur.
 6. Perkara-perkara yang dirujuk kepada lembaga.
 7. Kewajipan lembaga.
 8. Kuasa untuk menangguhkan.
 9. Penangguhan perbicaraan.
 10. Penangguhan dan persidangan semula.
 11. Saksi-saksi.
 12. Orang-orang yang mungkin terjejas oleh keputusan lembaga.
 13. Keterangan.
 14. Sumpah dan pengakuan.
 15. Rekod perbicaraan.
-

**AKTA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(PENGAL 149)**

**ATURAN-ATURAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(LEMBAGA PENYELIDIKAN), 2004**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 122 dari Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

Gelaran.

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (Lembaga Penyelidikan), 2004.

Tafsiran.

2. Dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"pihak berkuasa" bermakna Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau pegawai-pegawai sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

"lembaga" bermakna suatu lembaga penyelidikan yang diadakan di bawah aturan 3;

"yang di-pertua" bermakna yang di-pertua lembaga, yang dilantik di bawah aturan kecil [2] aturan 4;

"rekod perbicaraan", berkenaan dengan suatu lembaga, termasuk laporan lembaga itu dan apa-apa pendapat yang dinyatakan olehnya menurut sebarang arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa;

"penjenisan keselamatan" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya dengan arahan keselamatan yang berkaitan yang berkuatkuasa di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Mengadakan lembaga.

3. (1) Suatu lembaga boleh diadakan dengan perintah —

(a) Pemerintah; atau

(b) seorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada leftenan kolonel yang memerintah yang diberi kuasa oleh Pemerintah.

(2) Dalam hal suatu lembaga yang menyiasat mengenai ketidakhadiran tanpa kebenaran, lembaga itu boleh diadakan oleh seorang pegawai memerintah, pemerintah bawahan atau pemerintah suatu unit bebas yang berpangkat mejar jika diberi kuasa demikian oleh salah seorang pegawai yang disebut dalam aturan kecil (1).

(3) Peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah dikenakan berkenaan dengan suatu perintah yang mengadakan suatu lembaga —

(a) perintah itu hendaklah menyatakan keahlian lembaga tersebut dan tempat dan masa lembaga tersebut bersidang;

(b) perintah itu boleh menyatakan bidang tugas lembaga tersebut dan hendaklah disiarkan dalam perintah-perintah tentera;

(c) perintah itu boleh mengarahkan lembaga tersebut untuk menyatakan pendapatnya atas sebarang persoalan yang berbangkit dari sebarang perkara yang dirujuk kepada;

(d) pihak berkuasa boleh pada bila-bila masa membatalkan, mengubah atau menggantung perintah itu.

Perlembagaan.

4. (1) Suatu lembaga hendaklah terdiri daripada seorang yang di-pertua yang merupakan seorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada kapten dan tertakluk kepada undang-undang tentera dan tidak kurang daripada dua ahli lain yang masing-masing sama ada seorang yang tertakluk demikian atau seorang yang tidak tertakluk demikian yang berkhidmat dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Pihak berkuasa hendaklah melantik yang di-pertua atas nama dan tiap-tiap ahli lain lembaga itu atas nama atau, dalam hal seseorang yang tertakluk kepada undang-undang tentera, dengan menugaskan seseorang yang memerintah untuk melantik daripada orang-orang yang di bawah perintahnya.

Persidangan dan prosedur.

5. (1) Suatu lembaga hendaklah bersidang di tempat dan masa yang ditentukan dalam perintah yang mengadakan lembaga tersebut.

(2) Yang di-pertua hendaklah membentangkan bidang tugas di hadapan lembaga tersebut dan lembaga tersebut hendaklah terus mendengar keterangan menurut peruntukan-peruntukan Aturan-Aturan ini.

Perkara-perkara yang dirujuk kepada lembaga.

6. (1) Tertakluk kepada aturan kecil (2), suatu lembaga hendaklah diadakan dengan merujuk kepada —

(a) ketidakhadiran tanpa kebenaran mana-mana orang yang tertakluk kepada undang-undang tentera yang tidak hadir tanpa kebenaran secara berterusan selama suatu tempoh yang tidak kurang dari 21 hari;

(b) kematian luar biasa mana-mana orang di dalam bangunan tentera atau sewaktu menjalani latihan tentera atau aktiviti-aktiviti lain;

(c) mana-mana orang yang melarikan diri dari tahanan tentera, atau dari jagaan tentera semasa ditangkap;

(d) kerugian harta awam atau tentera kerana kecurian, penipuan, kerosakan, kecuaian, arson atau sabotaj, sama ada dibuktikan atau disyaki, jika kerugian kewangan melebihi \$500;

(e) kerugian atau kerosakan, termasuk kerosakan barek, kerana sebarang sebab lain jika kerugian kewangan melebihi \$1,000;

(f) kehilangan, atau kompromi, sama ada dibuktikan atau disyaki, dokumen-dokumen, kelengkapan atau maklumat yang mempunyai suatu penjenisan keselamatan 'SULIT' atau lebih tinggi;

(g) sebarang kemalangan yang melibatkan sebuah pesawat udara atau bot tentera;

(h) sebarang kemalangan yang melibatkan sebuah kenderaan tentera jika kerugian kewangan melebihi \$5,000;

(i) sebarang kemalangan atau pramasa yang melibatkan peluru atau bahan letupan, termasuk melepaskan tembakan dengan cuai.

(2) Kehendak untuk mengadakan suatu lembaga menurut aturan kecil (1) boleh diketepikan dengan kebenaran seorang pegawai memerintah yang

berpangkat kolonel atau ke atas, yang mempunyai kuasa untuk mengadakan suatu lembaga.

(3) Suatu lembaga boleh diadakan dengan merujuk kepada sebarang perkara lain yang diputuskan oleh pihak berkuasa untuk dirujukkan kepada suatu lembaga.

Kewajipan lembaga.

7. Adalah menjadi kewajipan suatu lembaga untuk menyiasat dan membuat laporan mengenai fakta-fakta yang berkaitan dengan sebarang perkara yang dirujukkan kepadanya di bawah Aturan-Aturan ini dan, jika diarahkan, untuk menyatakan pendapatnya mengenai sebarang persoalan yang berbangkit dari sebarang perkara tersebut.

Kuasa untuk menangguhkan.

8. Jika sebarang perkara yang menjadi perkara sebarang penyiasatan lain oleh polis tentera atau awam atau menjadi perkara perbicaraan di bawah undang-undang tentera dan suatu lembaga belum diadakan dengan merujuk kepadanya, pihak berkuasa boleh menangguhkan pengadaaan suatu lembaga sehingga penyiasatan atau perbicaraan lanjut tersebut selesai.

Penangguhan perbicaraan.

9. Jika sebarang perkara yang menjadi perkara sebarang penyiasatan lain oleh polis tentera atau awam atau menjadi perkara perbicaraan di bawah undang-undang tentera dan suatu lembaga telah pun diadakan dengan merujuk kepadanya, pihak berkuasa boleh menangguhkan perbicaraan lembaga tersebut sehingga penyiasatan atau perbicaraan lain tersebut telah selesai dan hendaklah kemudiannya membubarkan lembaga tersebut, jika berpuashati bahawa suatu lembaga tidak diperlukan.

Penangguhan dan persidangan semula.

10. (1) Yang di-pertua boleh menangguhkan lembaga tersebut yang akan bersidang pada masa-masa, dan di tempat-tempat dan pada waktu-waktu sebagaimana yang mungkin diarahkan olehnya.

(2) Tanpa menjejaskan aturan kecil (1), pihak berkuasa boleh pada bila-bila masa, jika pada pendapatnya perlu atau mustahak, mengarahkan bahawa lembaga tersebut hendaklah bersidang semula bagi maksud sebagaimana yang mungkin dinyatakan.

Saksi-saksi.

11. (1) Suatu lembaga hendaklah mendengar keterangan saksi-saksi yang telah disediakan oleh pihak berkuasa dan boleh mendengar keterangan orang lain sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

(2) Semasa memberikan keterangan, seorang saksi awam boleh diwakili tetapi, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan aturan 12, wakilnya tidaklah berhak untuk hadir pada bila-bila masa lain.

(3) Seorang saksi awam adalah berhak untuk menerima perbelanjaan yang munasabah yang dilakukan kerana kehadirannya dan suatu elaun yang munasabah berkaitan dengan kehilangan masanya.

Orang-orang yang mungkin terjejas oleh keputusan lembaga.

12. (1) Jika pada pendapat pihak berkuasa atau, jika suatu lembaga telah diadakan, sama ada pada pendapat pihak berkuasa atau yang di-pertua, bahawa mana-mana saksi atau orang lain yang dikenakan aturan ini mungkin terjejas oleh keputusan lembaga tersebut, pihak berkuasa atau, mengikut mana yang berkenaan, yang di-pertua, hendaklah mengambil langkah-langkah yang pada pandangannya munasabah dan perlu untuk memastikan bahawa saksi atau orang lain itu mengetahui perbicaraan tersebut dan, jika dia berkehendakkan demikian, mempunyai peluang untuk hadir dan diwakili pada persidangan lembaga tersebut, atau pada sebahagian dari persidangan lembaga tersebut sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa atau, mengikut mana yang berkenaan, yang di-pertua.

(2) Mana-mana saksi atau orang lain itu yang disebut dalam aturan kecil (1) boleh memberi keterangan, menyoal mana-mana saksi atau mengemukakan mana-mana saksi untuk memberi keterangan mengenai perkara-perkara yang mungkin menjejaskannya dan, jika dia diwakili, wakilnya boleh menyoal saksi-saksi, tetapi seorang wakil tidaklah boleh berucap kepada lembaga tersebut kecuali dengan kebenaran yang di-pertua.

(3) Aturan ini, setakat mana aturan ini dikenakan kepada orang-orang selain daripada saksi-saksi yang mungkin terjejas oleh keputusan tersebut, hanya dikenakan kepada —

(a) orang yang tertakluk kepada undang-undang tentera; dan

(b) orang-orang yang, walaupun tidak tertakluk demikian, berkhidmat dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan boleh terjejas demikian ke atas kelakuan atau reputasi profesional.

Keterangan.

13. Suatu lembaga boleh menerima sebarang keterangan yang dianggapnya berkaitan dengan perkara yang dirujuk kepada, sama ada lisan atau bertulis, dan sama ada atau tidak keterangan itu boleh diterima di dalam suatu mahkamah sivil.

Sumpah dan pengakuan.

14. Tiap-tiap saksi di hadapan suatu lembaga hendaklah diperiksa dengan mengangkat sumpah atau, jika berkenaan, boleh dibenarkan oleh yang di-pertua untuk membuat suatu pengakuan.

Rekod perbicaraan.

15. (1) Yang di-pertua hendaklah merekodkan, atau menyebabkan untuk direkodkan, secara bertulis perbicaraan suatu lembaga dengan butir-butir yang mencukupi untuk membolehkan pihak berkuasa mengikuti perjalanan perbicaraan tersebut.

(2) Jika jurutrengkas tidak hadir, keterangan hendaklah direkodkan dalam bentuk cerita dan catatan tersebut hendaklah seboleh-bolehnya mengikut perkataan-perkataan yang digunakan dalam perbicaraan tersebut.

(3) Jika Lembaga tersebut menganggapnya perlu, sebarang soalan dan jawapan tertentu hendaklah direkodkan kata demi kata.

(4) Keterangan tiap-tiap saksi, sebaik sahaja keterangan itu telah direkodkan menurut aturan kecil (1), hendaklah dibacakan kepadanya dan hendaklah ditandatangani olehnya.

(5) Suatu rekod perbicaraan tersebut hendaklah ditandatangani oleh yang di-pertua dan ahli-ahli lain lembaga tersebut dan hendaklah dihantar dengan serta-merta kepada pihak berkuasa.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 1 haribulan September, 2004.

DENGAN TITAH PERINTAH
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO PADUKA HAJI AWANG HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
Setiausaha Tetap,
Jabatan Perdana Menteri.